

D.R. 27/90

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Perbadanan) 1973,

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Dull Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Perbadanan) (Pindaan) 1990 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada suatu tarikh yang akan ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tajuk ringkas dan mula berkuasa.

2. Seksyen 2 Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Perbadanan) 1973, yang dalam Akta ini disebut "Akta ibu", adalah dipinda—

Pindaan seksyen 2. Akta 105.

(a) dengan memasukkan, sebelum sahaja takrif "hari yang ditetapkan", takrif yang berikut:

' "ahli" ertinya seorang ahli Lembaga, dan termasuklah seorang ahli giliran;' ;

- (b) dengan memasukkan, selepas sahaja takrif "kayu", takrif yang berikut:
"Ketua Pengarah" ertinya Ketua Pengarah yang dilantik di bawah seksyen 9 dan termasuklah Timbalan Ketua Pengarah;'
- (c) dengan memotong takrif "pembungkus";
- (d) dengan memasukkan, sebelum sahaja takrif "pemeringkat" , takrif yang berikut:
' "Pemeriksa Kawalan Kualiti" ertinya seorang pemeriksa kawalan kualiti yang dilantik di bawah seksyen 9;';
- (e) dengan memasukkan, selepas "peringkat berdaftar" takrif yang berikut:
' "pemproses kayu" ertinya seseorang yang menjalankan perniagaan mengawet atau mengeringkan kayu;';
- (f) dengan memasukkan, selepas sahaja takrif "pengendali jeti", takrif yang berikut:
"Pengerusi" ertinya Pengerusi Lembaga itu yang dilantik di bawah seksyen 4;";
- (g) dengan memotong takrif "pengilang";
- (h) dengan menggantikan takrif "pihak berkuasa pemeringkatan" dengan yang berikut:
' "pihak berkuasa pemeringkatan" ertinya, sehingga selainnya dinyatakan oleh Menteri melalui pemberitahu dalam *Warta*, Ketua Pengarah Perhutanan, Malaysia Barat berhubung dengan Malaysia Barat, Pemelihara Hutan, Sabah berhubung dengan Sabah dan orang atau orang-orang yang di lantik oleh Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak berhubung dengan Sarawak; ;
- (i) dengan menggantikan takrif "yad", dengan takrif-takrif yang berikut:
' "tempat pendaratan yang sah" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Kastam 1967;

' "yad" ertinya mana-mana kawasan atau tempat yang digunakan bagi menyamak, memeriksa, mengering, menjual, mengawet, menyimpan, mengemasiap atau membendela kayu, dan termasuklah mana-mana kawasan, tempat atau premis di mana kayu, yang dimaksudkan untuk digunakan dalam mengilang apa-apa artikel atau dalam pembinaan apa-apa bangunan atau struktur, dikeringkan, diawetkan atau ditawarkan untuk dijual.'

3. Seksyen 4 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dengan yang berikut: Pindaan seksyen 4.

" (1) Lembaga hendaklah terdiri daripada ahli-ahli berikut yang hendaklah dilantik oleh Menteri:

- (a) seorang Pengerusi;
- (b) seorang wakil daripada Kementerian yang bertanggungjawab bagi perindustrian kayu;
- (c) seorang wakil daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian;
- (d) seorang wakil daripada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia;
- (e) seorang wakil daripada Institut Penyelidikan Hutan Malaysia;
- (f) seorang wakil tiap-tiap satu daripada tidak lebih daripada mana-mana lima buah Negeri sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri;
- (g) wakil-wakil daripada persatuan-persatuan yang diiktiraf yang akan dilantik sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 5; dan
- (h) tidak lebih daripada dua orang yang pada pendapat Menteri boleh memberi sumbangan kepada kemajuan industri perkayuan Malaysia."

- Pindaan seksyen 5. 4. Seksyen 5 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong subseksyen (2).
- Seksyen baru 5. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas seksyen 5, seksyen 5A baru yang berikut:
- "Tempoh jawatan. 8A. Setiap ahli Lembaga hendaklah, melainkan jika dia terlebih dahulu berhenti daripada menjadi ahli atau perlantikannya terlebih dahulu dibatalkan, memegang jawatan selama suatu tempoh tidak melebihi dua tahun, tetapi adalah lavak dilantik semula."
- Pindaan seksyen 7. 6. Seksyen 7 Akta ibu adalah dipinda—
- (a) dengan menggantikan subseksyen (1), dengan yang berikut:
- "(1) Tertakluk kepada subseksyen (4) Menteri boleh, berkenaan dengan setiap ahli yang dilantik di bawah perenggan (b) hingga (g) subseksyen (1) seksyen 4, melantik dua orang untuk menjadi ahli giliran bagi menghadiri sebagai ganti ahli itu mesyuarat-mesyuarat Lembaga apabila ahli itu tidak dapat hadir oleh kerana apa-apa jua sebab.";
- (b) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan yang berikut:
- "(2) Hanya seorang ahli giliran sahaja boleh menghadiri mesyuarat Lembaga pada sesuatu masa bagi menggantikan ahli yang digantikan itu."; dan
- (c) dengan menggantikan subseksyen (4) dengan yang berikut:
- "(4) Seseorang ahli giliran hendaklah, melainkan jika dia terlebih dahulu berhenti daripada menjadi ahli atau perlantikannya terlebih dahulu dibatalkan, berhenti sebagai ahli giliran apabila ahli yang baginya dia adalah giliran berhenti menjadi ahli Lembaga."

7. Seksyen 8 Akta ibu adalah dipinda—
(a) dalam subseksyen (2)—

Pindaan
seksyen 8.

- (i) dengan memotong koma selepas perkataan-perkataan "perlantikan itu tidak dibuat"; dan
- (ii) dengan menggantikan perkataan-perkataan "Ketua Setiausaha Kementerian yang pada masa itu bertanggungjawab bagi perindustrian kayu" dengan perkataan-perkataan "atau ketidakhadiran Pengerusi di mana-mana mesyuarat Lembaga, wakil yang dilantik di bawah seksyen 4 (1) (b)"; dan

- (b) dalam subseksyen (3)—

- (i) dengan menggantikan perkataan-perkataan "Ketua Setiausaha Kementerian yang pada masa itu bertanggungjawab bagi perindustrian kayu" dengan perkataan-perkataan "wakil yang dilantik di bawah seksyen 4(1)^"; dan
- (ii) dengan menggantikan perkataan-perkataan "Ketua Pengarah Perhutanan, Malaysia Barat" dengan perkataan-perkataan "wakil yang dilantik di bawah seksyen 4 (1) (d)".

8. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 9 dengan yang berikut:

Pindaan
seksyen 9.

"Perlantikan pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat. 9. (1) Menteri hendaklah melantik seorang Ketua Pengarah Lembaga mengikut terma-terma dan syarat-syarat dan bagi suatu tempoh yang dinyatakan sebagaimana yang dia boleh tentukan.

(2) Lembaga boleh, mengikut terma dan syarat, melantik seorang Timbalan Ketua Pengarah Lembaga dan beberapa orang pegawai dan pengkhidmat lain Lembaga, termasuk Pemeriksa Kawalan Kualiti, sebagaimana yang difikirkannya pedu dan suaimanfaat bagi menjalankan fungsi-fungsinya.

(3) Perlantikan Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah dan Pemeriksa Kawalan Kualiti hendaklah disiarkan dalam *Warta*".

Seksyen baru
9A dan 9B.

9. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja seksyen 9, seksyen 9A dan 9B baru yang berikut:

"Lembaga boleh memperuntukkan skim-skim perkhidmatan.

9A. Lembaga boleh dari semasa ke semasa dengan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan, selepas berunding dengan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, membuat peraturan-peraturan untuk memperuntukkan bagi apa-apa skim perkhidmatan bagi pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmatnya, termasuklah terma dan syarat perkhidmatan dan gaji, apa-apa skim pencen, dan apa-apa skim berhubungan dengan elaun dan lain-lain saraan yang dibayar kepada pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmatnya.

Kuasa-kuasa dan tugas-tugas Ketua Pengarah.

9e. (1) Ketua Pengarah hendaklah menjadi ketua pegawai eksekutif Lembaga dan hendaklah mempunyai semua kuasa dan tugas sedemikian yang perlu untuk menjalankan pentadbiran dan fungsi-fungsi teknikal Lembaga.

(2) Kuasa dan tugas yang disebutkan di dalam subseksyen (1) hendaklah menjadi tambahan kepada mana-mana kuasa atau tugas yang diberikan atau dipertanggungkan kepada Ketua Pengarah oleh Lembaga atau Akta ini dan mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya.

(3) Ketua Pengarah hendaklah—

(a) mengemukakan bagi kelulusan Lembaga—

(i) suatu program tahunan aktiviti-aktiviti Lembaga; dan

(ii) anggaran perbelanjaan yang perlu untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti Lembaga;

(b) memastikan bahawa program diluluskan dijalankan dengan

sempurna dan bahawa perbelanjaan melaksanakan program diluluskan dan begitu juga bagi pentadbiran Lembaga adalah mengikut anggaran-anggaran yang diluluskan oleh Lembaga; dan

- (c) memastikan Lembaga diberitahu sepenuhnya mengenai perkembangan aktiviti-aktiviti, dan menyediakan serta menyerahkan kepada Lembaga dengan seberapa segera yang mungkin selepas setiap akhir tahun kewangan suatu laporan berkenaan dengan pentadbiran Lembaga disertai dengan suatu pernyataan pendapatan dan perbelanjaan bagi, bersama-sama dengan suatu kunci kira-kira pada akhir, tahun kewangan itu.

(4) Jika Ketua Pengarah buat sementara waktu tidak dapat menjalankan tugas-tugasnya atas sebab-sebab sakit, ketidakhadiran atau lain-lain sebab, Timbalan Ketua Pengarah hendaklah menjalankan kuasa-kuasa dan tugas-tugas Ketua Pengarah.

(5) Jika Timbalan Ketua Pengarah belum dilantik Pengerusi boleh melantik mana-mana pegawai Lembaga untuk menjalankan kuasa-kuasa dan tugas-tugas Ketua Pengarah bagi maksud-maksud subseksyen (4)."

10. Seksyen 12 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 12.

(a) dalam subseksyen (1)—

- (i) dengan memasukkan, selepas sahaja perenggan (b), perenggan (bb) yang berikut:

"(bb) menyelaras aktiviti-aktiviti bagi pemasaran dan pengkapalan kayu yang berkesan;"

- (ii) dengan memotong perkataan-perkataan "mengusahasil dan" dalam perenggan (c);
- (iii) dengan memasukkan, selepas perkataan-perkataan "perkhidmatan nasihat teknik" dalam perenggan (d), perkataan-perkataan "dan latihan";
- (iv) dengan memotong perkataan "dan" di hujung perenggan (e);
- (v) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan (f) dengan koma bertitik; dan
- (vi) dengan memasukkan, selepas sahaja perenggan (f), perenggan (g) dan (h) baru yang berikut:
 - (g) mengumpulkan maklumat dan menyenggarakan rekod untuk segala perkara yang relevan berhubungan dengan perindustrian kayu; dan
 - (h) amnya untuk membuat segalanya mengikut bidang objektif Akta ini bagi pembaikan dan penjalanan perindustrian kayu yang berpatutan."; dan
- (b) dengan memasukkan dalam perenggan (a) subseksyen (2), selepas sahaja perkataan "rundingan", perkataan-perkataan "dan perjanjian atau perkiraan" dan, selepas sahaja perkataan "Lembaga", perkataan-perkataan "bagi melaksanakan fungsi-fungsinya dan".

Pindaan
seksyen!3.

11. Seksyen 13 Akta itu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan subseksyen (4) dengan yang berikut:
 - "(4) Tiada seorang pun boleh menjalankan perniagaan bagi maksud perdagangan eksport sebagai pembekal atau pemproses kayu melainkan dia telah didaftarkan di bawah Akta ini.';

- (b) dengan memotong subseksyen (5) dan (6); dan
- (c) dengan menggantikan perkataan "dollars" dalam subseksyen (7) dalam teks Bahasa Inggeris, dengan perkataan "ringgit".

12. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja seksyen 13, seksyen baru 13A berikut:

"Penge-
cualian. 13A. Menteri boleh, atas kepentingan perindustrian kayu dan dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengecualikan mana-mana orang daripada kehendak pendaftaran di bawah seksyen 13."

13. Seksyen 14 Akta ibu adalah dipinda dengan—

Pindaan
seksyen 14.

- (a) menggantikan subseksyen (1) dengan yang berikut:

"(1) Mana-mana orang yang berhasrat untuk mengeksport kayu atau menjalankan peraiagaan sebagai seorang pengeksport atau pengendali jeti atau mana-mana pemeringkat yang berhasrat untuk menjalankan perniagaan memeringkat kayu atau mana-mana orang yang berhasrat menjalankan perniagaan sebagai pembekal atau pemproses kayu boleh, dalam apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan, memohon kepada Lembaga untuk pendaftaran.";

- (b) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan yang berikut:

"(2) Lembaga boleh, dengan bayaran fee sebagaimana yang boleh ditetapkan, mendaftarkan seseorang pemohon di bawah subseksyen (1) sebagai pengeksport, pengendali jeti, pemeringkat berdaftar, pembekal atau pemproses kayu, mengikut mana yang berkenaan, tertakluk kepada syarat-syarat dan sekatan-sekatan yang Lembaga boleh sifatkan layak dikenakan.";

- (c) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan yang berikut:

"(3) Tiap-tiap pendaftaran di bawah seksyen ini hendaklah sah bagi tempoh satu tahun, atau

suatu tempoh yang lebih panjang tetapi tidak melebihi lima tahun sebagaimana Lembaga boleh tentukan, daripada tarikh pendaftaran dan hendaklah boleh diperbaharui, melainkan dibatalkan di bawah seksyen 17 terlebih dahulu, mengikut budi bicara Lembaga, bagi suatu tempoh selanjutnya yang tidak kurang dari satu tahun tetapi tidak melebihi lima tahun sebagaimana Lembaga sifatkan patut."

Seksyen baru
14A.

14. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja seksyen 14, seksyen 14A baru yang berikut:

"Kuasa untuk mengubah syarat-syarat atau sekatan-sekatan pendaftaran.

HA. (1) Lembaga hendaklah mempunyai kuasa untuk mengubah syarat atau sekatan yang dikenakan ke atas apa-apa pendaftaran di bawah subseksyen (2) seksyen 14:

Dengan syarat bahawa Lembaga tidak boleh mengubah apa-apa syarat atau sekatan sesuatu pendaftaran melainkan suatu notis yang berpatutan dan suatu peluang untuk didengar apa-apa bantahan kepada perubahan yang dicadangkan telah diberikan kepada seseorang berdaftar yang kemungkinan terjejas oleh perubahan sedemikian.

(2) Lembaga boleh, apabila mendengar apa-apa bantahan di bawah subseksyen (1), menolak bantahan itu jika ia fikirkan yang ianya tiada merit dan hendaklah diteruskan untuk mengubah syarat atau sekatan pendaftaran sepertimana yang dicadangkan.

(3) Jika seseorang yang berdaftar tidak berpuas hati dengan keputusan Lembaga di bawah subseksyen (2), dia boleh merayu kepada Menteri dalam masa tiga puluh hari daripada tarikh keputusan itu diberitahu kepadanya dan keputusan Menteri hendaklah menjadi muktamad dan mengikat.

(4) Tiada apa-apa perubahan dalam syarat atau sekatan pendaftaran yang telah dibuat mengikut seksyen ini boleh berkuatkuasa sehingga rayuan,

jika ada, di bawah subseksyen (3) telah ditentukan berpihak kepada Lembaga."

15. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 15 dengan yang berikut: Penggantian seksyen 15.

"Daftar. 15. Lembaga hendaklah menyimpan atau menyebabkan disimpan satu daftar pengeksport, penggendali jeti, pemeringkat berdaftar, pembekal dan pemproses kayu sebagaimana cara yang ia boleh tentukan."

16. Seksyen 17 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan seksyen 17.

(a) dengan memasukkan perkataan "menggantung", selepas sahaja perkataan-perkataan "Kuasa untuk", dalam nota birai;

(b) dengan memasukkan perkataan "menggantung", selepas sahaja perkataan-perkataan "di bawahnya", dalam subseksyen (1);

(c) dengan memasukkan perkataan-perkataan "digantung atau", selepas sahaja perkataan-perkataan "tidak patut", dalam subseksyen (2);

(d) dalam subseksyen (4)—

(i) dengan memasukkan perkataan-perkataan "menggantung atau" selepas sahaja perkataan-perkataan "terhadapnya"; dan

(ii) dengan menggantikan noktah di akhir subseksyen itu dengan noktah bertindih dan menambahkan kemudian daripada itu proviso baru yang berikut:

"Dengan syarat bahawa apa-apa penggantungan pendaftaran di bawah peruntukan ini tidak boleh melebihi tempoh enam bulan."; dan

(e) dengan memasukkan, selepas sahaja subseksyen (5), subseksyen baru (5A) yang berikut:

"(5A) (a) Lembaga tidak boleh enggan untuk membaharui pendaftaran seseorang yang

berdaftar di bawah subseksyen (1) tanpa terdahulu memberi orang itu suatu peluang untuk didengar.

(b) Jika Lembaga enggan untuk membaharui pendaftaran seseorang yang berdaftar di bawah subseksyen (1) ia hendaklah memberitahu orang itu secara bertulis dengan menyatakan sebab-sebab keengganan itu.";

Pindaan
seksyen 18.

17. Seksyen 18 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dengan yang berikut:

"(1) Mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan Lembaga, yang enggan melakukan pendaftaran di bawah seksyen 14 atau menggantung, membatalkan atau enggan membaharui pendaftaran di bawah seksyen 17, boleh, dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh keputusan itu diberitahu kepadanya, merayu kepada Menteri."

Pindaan
seksyen 19.

18. Seksyen 19 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dalam subseksyen (2)—

(i) dengan menggantikan perenggan (d) dengan yang berikut:

"(d) segala wang yang diterima oleh Lembaga dengan cara pemberian daripada Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri;"

(ii) dengan memasukkan, selepas sahaja perenggan (d), perenggan (dd) baru yang berikut:

"(dd) segala wang yang diterima oleh Lembaga dengan cara pemberian, derma atau sumbangan daripada institusi-institusi atau agensi-agensi antarabangsa yang diiktiraf;"

- (iii) dengan memotong perkataan "dan" pada hujung perenggan (e) dan
- (iv) dengan memasukkan, selepas sahaja perenggan (e), perenggan (ee) baru yang berikut:

"(ee) wang yang diterima sebagai fee dan caj bagi nasihat atau khidmat yang diberikan menurut seksyen 20A; dan";

(b) dalam subseksyen (3)—

- (i) dengan menggantikan noktah di akhir perenggan (c) dengan koma bertitik;
- (ii) dengan memasukkan, selepas sahaja perenggan (c), perenggan-perenggan (d) dan (e) baru yang berikut:

"(d) membayar balik wang yang telah dipinjam oleh Lembaga di bawah seksyen 22; dan

(e) tertakluk kepada kelulusan Menteri yang diberi selepas rundingan dengan Menteri Kewangan, membuat sumbangan kepada mana-mana pertubuhan tempatan atau antarabangsa, bagi tujuan menggalakkan perdagangan, penggunaan dan pemprosesan kayu dan memastikan bekalan kayu yang mencukupi kepada industri."; dan

(c) dengan menggantikan perkataan-perkataan "diperuntukkan oleh Parlimen" dalam subseksyen (4), dengan perkataan-perkataan "diterima dengan cara pemberian daripada Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri".

- Seksyen baru 20A. 19. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja seksyen 20, seksyen 20A baru yang berikut:
- "Kuasa untuk mengenakan dan memungut fee dan lain bentuk pembayaran. 20A. Lembaga boleh dari semasa ke semasa menetapkan dan memungut fee dan caj berkenaan dengan apa-apa khidmat nasihat teknikal atau lain-lain khidmat yang diberikan oleh Lembaga menurut Akta ini."
- Pindaan seksyen 22. 20. Seksyen 22 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan "oleh", perkataan-perkataan "Menteri, dengan persetujuan".
- Pindaan seksyen 23. 21. Seksyen 23 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "akan bertindak selepas berunding dengan" dengan perkataan-perkataan "diberi dengan persetujuan".
- Pindaan seksyen 24. 22. Seksyen 24 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Pengerusi" di mana jua terdapat, dengan perkataan-perkataan "Ketua Pengarah".
- Penggantian seksyen 25. 23. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 25 dengan yang berikut:
- "Audit dan laporan tahunan. Akta 240 25. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 hendaklah terpakai berkenaan dengan akaun, audit dan laporan tahunan Lembaga."
- Pindaan seksyen 26. 24. Akta ibu adalah dipinda dengan memotong seksyen 26.
- Pindaan seksyen 27. 25. Seksyen 27 Akta ibu adalah dipinda—
- (a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan yang berikut:
- "(1) Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai Lembaga, dengan keizinan Pengerusi, boleh, jika dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa telah

dilakukan satu kesalahan di bawah Akta ini, memasuki mana-mana premis perniagaan, kilang atau yad yang digunakan oleh, seorang pengeksport dan menjalankan pemeriksaan dan penelitian yang dia fikir perlu, dan menyita dan menahan apa-apa buku, dokumen atau benda-benda lain yang dijumpai di dalara premis, kilang atau yad itu yang boleh menjadi bukti mengenai perlakuan kesalahan di bawah Akta ini atau kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan di bawahnya.";

(b) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan yang berikut:

"(3) Walau apa pun peruntukan subseksyen (1), Pemeriksa Kawalan Kualiti, yang bertindak di bawah subseksyen tersebut atas kuasa bertulis Ketua Pengarah, hanya boleh menjalankan pemeriksaan dan penelitian sebagaimana yang difikirkannya perlu bagi tujuan memeriksa atau memverifikasikan mutu yang sebenar dan yang dikehendaki bagi mana-mana kayu pengeksport yang dijumpai di dalam mana-mana premis, kilang atau yad dan boleh, jika dia mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan telah dilakukan di bawah Akta ini berhubung dengan mutu kayu, menyita dan menahan hanya buku-buku, dokumen-dokumen atau benda-benda lain yang boleh menjadi bukti dalam perlakuan suatu kesalahan berhubung dengan kualiti kayu.";

(c) dalam subseksyen (4)—

- (i) dengan menggantikan perkataan-perkataan "Pengerusi atau seseorang pegawai Lembaga yang diberikuasa", dengan perkataan-perkataan "Ketua Pengarah, setelah mendapat keizinan daripada Pengerusi,"; dan
- (ii) dengan memasukkan, sebelum sahaja perkataan "penjualan", perkataan "pengalihan,";

- (d) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan "seseorang yang" dalam subseksyen (5), perkataan "mengalih,"; dan
- (e) dengan memasukkan, selepas sahaja subseksyen (5), subseksyen (6) dan (7) baru yang berikut:

"(6) Jika Ketua Pengarah mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan di bawahnya telah dilakukan berkenaan dengan apa-apa kayu yang dijumpai dalam masa pemeriksaan dan penelitian di bawah seksyen ini, dia boleh, jika perlu menyebabkan supaya kayu itu berada di dalam penjagaan Lembaga.

(7) Jika Ketua Pengarah telah mendapat keizinan daripada Pengerusi bagi maksud-maksud subseksyen (1) dia boleh memberi kuasa kepada mana-mana pegawai Lembaga untuk menjalankan kuasa-kuasa yang diberi di bawah subseksyen (1), (4), atau (6)."

Seksyen baru
27A, 27B,
27C, 27D,
27E, 27F,
27G, 27H,
27I, 27j dan
27K.

26. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja seksyen 27, seksyen 27A, 27B, 27c, 27D, 27E, 27F, 27G, 27H, 27I, 27J dan 27K baru yang berikut:

"Ketua Pengarah hendaklah menjalankan pemeriksaan di tempat pendaratan yang sah.

27A. Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai Lembaga yang diberikuasa secara bertulis oleh Ketua Pengarah boleh, jika dia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini atau kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya telah dilakukan, menjalankan pemeriksaan dan penelitian di mana-mana tempat pendaratan yang sah sebagaimana yang difikirkan perlu, dan boleh menyita dan menahan apa-apa kayu, buku, dokumen atau benda-benda lain yang dijumpai di situ.

Senarai
sitaan.

27B. Jika apa-apa kayu, buku, dokumen atau benda-benda lain disita di bawah seksyen 27 atau 27A, pegawai yang melakukan penyitaan itu

hendaklah menyediakan satu senarai barang-barang yang disita dan dengan segera menyerahkan satu salinan yang telah ditandatangani olehnya kepada pemilik atau orang yang daripadanya benda-benda itu disita.

27c. (1) Jika kayu disita di bawah Akta ini, Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai Lembaga yang diberi kuasa bertulis olehnya, boleh, menurut budi bicaranya—

Pemulangan
kayu yang
disita.

- (a) memulangkan untuk sementara kayu itu kepada pemiliknya atau orang daripada milikan, jagaan atau kawalannya kayu itu disita, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang boleh dikenakan oleh Ketua Pengarah, dan dalam apa-apa kes pun, tertakluk kepada cagaran yang mencukupi dengan memuaskan hati Ketua Pengarah bahawa kayu itu akan diserahkan kepada Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai Lembaga yang diberikuasa apabila diminta dan terma-terma dan syarat-syarat tersebut, jika ada, hendaklah dipatuhi; atau
- (b) memulangkan kayu itu kepada pemiliknya atau orang yang daripada milikan, jagaan atau kawalannya kayu itu disita dengan kebebasan bagi orang yang kepadanya kayu itu dipulangkan untuk melupuskannya, pemulangan itu adalah tertakluk kepada pemberian cagaran sehingga memuaskan hati Ketua Pengarah dalam amaun tidak kurang daripada amaun yang pada pendapat Ketua Pengarah menunjukkan nilai pasaran terbuka kayu tersebut pada tarikh dipulangkan bagi pembayaran amaun yang dicagarkan itu kepada Ketua Pengarah sekiranya Mahkamah membuat suatu perintah bagi melucutkan amaun itu di bawah seksyen 27s; atau
- (c) menjual kayu itu jika pada pendapat Ketua Pengarah ia kemungkinan akan merosot

dari segi mutu atau nilai dan dalam hal demikian Ketua Pengarah hendaklah memegang hasil jualan itu sementara menunggu keputusan apa-apa pendakwaan atau tuntutan dan, berkaitan dengan hasil jualan itu, untuk mematuhi keputusan pendakwaan atau tuntutan itu.

(2) Tiada seorang pun berhak mengambil apa-apa tindakan atas sebab apa-apa perbuatan yang dilakukan oleh atau apa-apa keputusannya yang dibuat oleh atau bagi pihak Lembaga di bawah seksyen ini dan tiada Mahkamah boleh mempunyai apa-apa bidang kuasa untuk melayani mana-mana tindakan sedemikian.

Benda-benda boleh di lucuthak.

27o. Semua benda yang disita di bawah Akta ini boleh dilucuthakkan.

Mahkamah hendaklah memerintah perlucuthakan.

27E. (1) Jika tiada pendakwaan dibuat berkenaan dengan mana-mana kayu yang disita di bawah Akta ini, kayu tersebut hendaklah diambil dan disifatkan sebagai terlucuthak apabila tamatnya satu bulan kalendar dari tarikh penyitaan melainkan jika suatu tuntutan terhadapnya dibuat sebelum tarikh tersebut di bawah dan mengikut Akta ini.

(2) Mana-mana orang yang mendakwa bahawa dia adalah pemilik kayu yang disita itu atau berhak kepada hasil jualan kayu itu dan bahawa kayu itu tidak boleh dilucuthak boleh dengan sendiri atau melalui agennya yang diberikuasa bertulis memberi notis bertulis kepada Ketua Pengarah menyatakan bahawa dia menuntut kayu yang disita itu atau hasil jualan kayu itu.

(3) Atas penerimaan suatu notis di bawah subseksyen (2) Ketua Pengarah boleh mengarahkan supaya kayu yang disita itu atau hasil jaluannya dilepaskan atau boleh merujuk perkara itu kepada seorang Magistret.

(4) Magistret hendaklah mengeluarkan suatu saman menghendaki Lembaga dan orang yang mendakwa bahawa dia adalah pemilik kayu yang disita itu atau hasil jualannya dan orang yang daripadanya kayu itu disita supaya nadir di hadapannya, dan atas kehadiran atau keingkarannya mereka untuk nadir, penyampaian sempurna saman itu telah dibuktikan, Magistret itu hendaklah menjalankan pemeriksaan perkara itu dan, apabila dibuktikan bahawa suatu kesalahan telah dilakukan di bawah Akta ini dan bahawa kayu yang disita itu telah menjadi hal perkara kesalahan tersebut, hendaklah memerintahkan supaya kayu yang disita itu atau hasil jualannya dilucuthak atau, jika tiada bukti sedemikian, hendaklah memerintahkan ia dilepaskan.

(5) Dalam apa-apa prosiding di bawah Akta ini Lembaga boleh diwakili oleh Ketua Pengarah atau seorang pegawai atau pengkhidmat Lembaga yang diberi kuasa bertulis bagi maksud itu oleh Ketua Pengarah.

Benda-benda dilucuthak hendaklah menjadi harta Persekutuan.

27F. Apa-apa benda atau hasil jualan mengenainya yang dilucuthak atau diambil dan disifatkan sebagai dilucuthak di bawah Akta ini hendaklah menjadi harta Persekutuan atau dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan, setelah ditolak apa-apa perbelanjaan yang disahkan oleh Ketua Pengarah sebagai telah dibelanjakan oleh Lembaga dalam melaksanakan peruntukan seksyen 27 atau 27A dan dalam menjalankan jualan di bawah Akta ini.

Tiada kos apa-apa prosiding boleh dibenarkan.

27G. Tiada seorang pun dalam mana-mana prosiding di mana-mana Mahkamah berkenaan dengan penyitaan apa-apa kayu atau apa-apa benda lain yang disita-dalam menjalankan apa-apa kuasa yang diberi di bawah Akta ini berhak terhadap kos prosiding tersebut atau apa-apa ganti rugi atau relief lain kecuali suatu perintah bagi pemulangan kayu itu atau benda-benda lain yang telah disita atau pembayaran nilainya melainkan

jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab munasabah atau sebab barangkali.

Maklumat palsu atau keliru.

27H. Jika mana-mana orang yang dikehendaki untuk memberi maklumat di bawah Akta ini member! maklumat yang palsu atau keliru atau yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai palsu atau keliru atau yang dia mempercayainya tidak benar berhubungan dengan apa-apa hal di bawah Akta ini atau kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, dia adalah melakukan suatu kesalahan.

Pengemukaan kad kuasa.

27I. Seseorang pegawai yang menjalankan kuasanya di bawah seksyen 27 hendaklah, jika dikehendaki sedemikian oleh seseorang yang menjaga atau yang mengawal apa-apa tempat atau premis perniagaan, kilang atau yad di mana kemasukan hendak dibuat atau pemeriksaan atau ujian hendak dijalankan, mengemukakan bukti identiti dan kebenaran secara bertulisnya kepada orang itu.

Halangan pegawai-pegawai yang diberi kuasa.

27J. Mana-mana orang yang dengan apa-apa cara menghalang, menggagang, menahan atau mengganggu Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai Lembaga, dalam menjalankan kuasa atau tugasnya di bawah Akta ini atau yang gagal untuk memberi bantuan yang semunasabahnya dikehendaki oleh Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai Lembaga, adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama suatu tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Pemeriksaan saksi-saksi.

27K. (1) Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai Lembaga boleh, dalam menjalankan pemeriksaan dan penelitian menurut peruntukan-peruntukan Akta ini, memeriksa secara lisan mana-mana orang yang dipercayainya mengetahui tentang fakta dan hal keadaan kes itu dan hendaklah mengambil dalam bentuk bertulis apa-apa kenyataan yang dibuat oleh orang yang

diperiksa itu dan orang itu hendaklah terikat menjawab semua soalan berhubungan dengan kes itu yang disoal kepadanya oleh pegawai itu:

Dengan syarat bahawa orang itu boleh enggan untuk menjawab apa-apa soalan di mana jawabannya ada kemungkinan mendedahkannya kepada suatu pertuduhan jenayah, penalti atau perlucuthakan.

(2) Seseorang yang membuat kenyataan di bawah seksyen ini hendaklah terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang benar, sama ada kenyataan itu dibuat sepenuhnya atau sebahagiannya dalam menjawab apa-apa soalan."

27. Seksyen 28 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Pengerusi" dalam subseksyen (2), dengan perkataan-perkataan "Ketua Pengarah". Pindaan seksyen 28.

28. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "dollars" dalam seksyen 29,30, dan 33 dalam teks Bahasa Inggeris, dengan perkataan "ringgit" di mana-mana jua terdapat di dalamnya. Pindaan seksyen 29, 30 dan 33.

29. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja seksyen 29, seksyen baru 29A yang berikut: Seksyen baru 29A.

"Perlindungan terhadap prosiding undang-undang. 29A. Lembaga atau mana-mana ahli, pegawai atau pengkhidmatnya hendaklah tidak bertanggung bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan kepada mana-mana orang atas sebab apa-apa perbuatan atau peninggalan atau pernyataan yang dibuat sebagai pelaksanaan atau pelaksanaan yang dimaksudkan bagi fungsi-fungsi di bawah Akta ini, melainkan perbuatan atau peninggalan atau pernyataan itu telah dilakukan atau dibuat dengan *malafide* atau melalui sikap melulu dan cuai ahli-ahli, pegawai-pegawai atau pengkhidmat-pengkhidmat itu."

Seksyen baru
30A dan 30B.

30. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja seksyen 30, seksyen baru 30A dan 30B yang berikut:

"Pendak-
waan
kesalahan-
kesalahan.

30A. Pendakwaan berkenaan dengan suatu kesalahan-kesalahan di bawah Akta ini atau apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya boleh dilakukan oleh Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai Lembaga yang diberikuasa secara bertulis bagi maksud itu olehnya.

Kuasa untuk
mengkom-
paun.

30B. (1) Apa-apa kesalahan terhadap Akta ini atau terhadap apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya yang telah ditetapkan sebagai suatu kesalahan boleh kompaun, boleh dikenakan kompaun oleh Ketua Pengarah atau oleh mana-mana pegawai Lembaga yang diberikuasa khas secara bertulis bagi maksud itu dengan menerima daripada orang yang semunasabahnya disyaki telah melakukan kesalahan itu, suatu jumlah wang yang tidak melebihi dua ribu ringgit.

(2) Apabila menerima pembayaran di bawah subseksyen (1), tiada prosiding lanjut boleh diambil terhadap orang itu dan apa-apa kayu yang tertakluk kepada suatu notis larangan di bawah seksyen 27 hendaklah dilepaskan tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat pembetulan yang sesuai bagi pelanggaran, melainkan kayu itu terdiri daripada keluaran yang pengeksportannya dilarang oleh mana-mana undang-undang bertulis, dan dalam hal yang demikian kayu itu hendaklah dilucuthak."

Seksyen baru
33A dan 33B.

31. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja seksyen 33, seksyen baru 33A dan 33B yang berikut:

"Kesalahan
yang di-
lakukan
oleh per-
badanan.

33A. Jika apa-apa kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Akta ini, atau apa-apa peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya telah dilakukan oleh suatu kumpulan orang, diperbadankan atau sebaliknya, mana-mana orang yang pada masa kesalahan itu dilakukan adalah seorang pengarah, setiausaha, pengawal atau mana-mana pegawai lain yang seumpamanya

yang menjaga kumpulan orang sedemikian atau yang berupa sebagai bertindak atas sifat sedemikian itu adalah melakukan kesalahan itu mel?nkan dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa persetujuan atau pembiarannya dan bahawa dia telah menjalankan segala usaha untuk mengelak berlakunya kesalahan itu sebagaimana yang patut dijalankan olehnya memandang kepada jenis fungsi-fungsinya atas sifat itu dan kepada segala hal keadaan.

Kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pengkhidmat, agen dll.

33s. Jika mana-mana orang (yang dalam seksyen ini disebut "prinsipal") yang boleh dikenakan apa-apa hukuman atau penalti bagi apa-apa kesalahan, perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran di bawah Akta ini, dia boleh dikenakan hukuman atau penalti yang sama bagi tiap-tiap kesalahan, perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran oleh mana-mana kerani, pengkhidmat atau agennya atau kerani atau pengkhidmat bagi agen itu:

Dengan syarat bahawa kesalahan, perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran itu telah dilakukan oleh kerani atau pengkhidmat prinsipal itu dalam penjalanan pekerjaannya atau oleh agen apabila bertindak bagi pihak prinsipal itu, atau oleh kerani atau pengkhidmat agen itu dalam penjalanan pekerjaannya atau sebaliknya bagi pihak agen itu."

32. Seksyen 34 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 34.

(a) dalam subseksyen (1)—

- (i) dengan memotong perkataan "dan" di hujung perenggan (b);
- (ii) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan (c) dengan koma bertitik dan memasukkan, selepas itu, perkataan "dan"; dan

- (iii) dengan memasukkan selepas perenggan (c), perenggan (d) baru yang berikut:

"(d) menyatakan kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun dan menetapkan kompaun dan cara-caranya."; dan

- (b) dalam subseksyen (2)—

- (i) dengan menggantikan perkataan "standad-standad" dalam perenggan (b), dengan perkataan-perkataan "standard-standard, pemprosesan";

- (ii) dengan memasukkan, selepas sahaja perenggan (F), perenggan baru (ff) yang berikut:

"(ff) menetapkan prosedur yang boleh diikuti bagi pentadbiran Kumpulan-wang;";

- (iii) dengan memotong perenggan (h)

- (iv) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan (i) dengan koma bertitik dan memasukkan, selepasnya, perkataan "dan"; dan

- (v) dengan memasukkan, selepas sahaja perenggan (i), perenggan baru (j) yang berikut:

"(j) memperuntukkan bagi semua prosedur dan lain-lain hal, pada setakat mana yang ianya tidak termasuk dalam mana-mana perenggan terdahulu yang dalam Akta ini dikehendaki atau dibenarkan untuk ditetapkan atau yang perlu ditetapkan bagi melaksanakan atau memberi kesan kepada peruntukan-peruntukan Akta ini.".

33. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja seksyen 34, seksyen baru 34A, 34B dan 34c yang berikut:

Seksyen baru
34A, 34B dan
34c.

"Disiplin
pegawai-
pegawai
dan
peng-
khidmat-
peng-
khidmat.

34A. (1) Maka hendaklah terdapat suatu Jawatankuasa Tatatertib bagi Lembaga yang terdiri daripada dua orang ahli yang akan dipilih oleh dan daripada ahli-ahli Lembaga, yang seorang daripada mereka hendaklah dipilih menjadi pengerusi, dan Ketua Pengarah yang dilantik di bawah subseksyen (1) seksyen 9.

(2) Pihak berkuasa tatatertib berkenaan dengan tiap-tiap pegawai dan pengkhidmat Lembaga, selain daripada Ketua Pengarah ialah Jawatankuasa Tatatertib Lembaga itu yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1).

(3) Jawatankuasa Tatatertib berkenaan dengan Ketua Pengarah hendaklah terdiri daripada Ketua Setiausaha Kementerian yang bertanggungjawab bagi perindustrian kayu sebagai pengerusi dan dua orang ahli yang hendaklah dipilih oleh dan daripada ahli-ahli Lembaga.

(4) Ketua Pengarah tidak boleh menjadi ahli Jawatankuasa Tatatertib dalam apa-apa prosiding di hadapan Jawatankuasa itu yang di dalamnya dia menjadi pengadu; tempatnya hendaklah diambil oleh seorang ahli yang hendaklah dipilih oleh dan daripada ahli-ahli Lembaga.

(5) Dalam menjalankan tugas-tugas tatatertib, Jawatankuasa Tatatertib hendaklah mempunyai kuasa untuk mengenakan apa-apa hukuman tatatertib sebagaimana yang diperuntukkan di bawah mana-mana peraturan yang mungkin dibuat di bawah seksyen 34c.

(6) Jawatankuasa Tatatertib boleh, tertakluk kepada subseksyen (7), mewakilkan mana-mana tugas, kuasa atau kewajipan tatatertibnya kepada mana-mana Jawatankuasa pegawai atau pengkhidmat Lembaga, berkenaan dengan

mana-mana pegawai atau pengkhidmat tertentu Lembaga atau berkenaan dengan mana-mana golongan atau kategori pegawai atau pengkhidmat Lembaga, dan jawatankuasa yang diwakilkan dengan tugas-tugas, kuasa-kuasa atau kewajipan-kewajipan itu hendaklah melaksanakan, menjalankan atau menunaikannya di bawah arahan dan kawalan Jawatankuasa Tatatertib yang hendaklah mempunyai kuasa untuk mengulang-kaji, menghapus atau mengubah apa-apa keputusan atau dapatan jawatankuasa sedemikian.

(7) Tiada perwakilan boleh dibuat di bawah subseksyen (6) untuk membolehkan seseorang pegawai atau pengkhidmat Lembaga untuk menjadi ahli sesuatu jawatankuasa yang boleh menjalankan apa-apa kuasa tatatertib ke atas pegawai atau pengkhidmat yang berpangkat lebih tinggi daripadanya.

(8) Mana-mana pegawai atau pengkhidmat Lembaga yang tidak berpuas hati dengan keputusan Jawatankuasa Tatatertib atau mana-mana jawatankuasa yang diwakilkan dengan tugas-tugas, kuasa-kuasa atau kewajipan-kewajipan di bawah subseksyen (6) boleh, dalam masa empat belas hari, merayu secara bertulis terhadap keputusan itu kepada Lembaga yang boleh sesudah itu mengesahkan, mengakaskan atau member! apa-apa arahan mengenai perkara itu sebagaimana difikirkannya patut dan wajar.

(9) Keputusan Lembaga terhadap rayuan itu adalah muktamad.

Surcaj.

34B, (1) Jika ternyata kepada Lembaga bahawa mana-mana orang yang sedang atau telah bekerja dengan Lembaga—

(a) telah gagal untuk mengutip apa-apa wang yang terhutang kepada Lembaga yang pemungutannya menjadi tanggungjawabnya;

- (b) adalah atau telah bertanggungjawab atas apa-apa pembayaran wang daripada Kumpulanwang yang tidak sepatutnya dibuat atau atas apa-apa pembayaran wang yang tidak disahkan dengan sewajarnya;
- (c) adalah atau telah bertanggungjawab, secara langsung atau tak langsung, atas apa-apa kekurangan pada, atau atas pemusnahan apa-apa wang, setem, sekuriti, storan atau harta lain Lembaga;
- (d) sebagai atau yang pernah menjadi sebagai, pegawai perakaunan, gagal atau telah gagal menyimpan akaun atau rekod yang sepatutnya;
- (e) telah gagal membuat apa-apa pembayaran, atau adalah atau telah bertanggungjawab atas apa-apa kelambatan dalam pembayaran wang daripada Kumpulanwang kepada mana-mana orang yang kepadanya bayaran itu kena dibuat di bawah mana-mana kontrak, perjanjian atau perkiraan yang dibuat di antara orang itu dengan Lembaga,

Lembaga hendaklah menyampaikan suatu notis bertulis kepadanya yang memintanya menunjukkan sebab mengapa dia tidak sepatutnya disurcaikan, dan jika penjelasan yang memuaskan hati tidak diberikan dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penyampaian notis yang disebutkan terdahulu kepada Lembaga mengenai kegagalan mengutip bayaran yang tidak sepatutnya dibuat, bayaran yang tidak disahkan dengan sewajarnya, kekurangan atau pemusnahan atau kegagalan menyimpan akaun atau rekod yang sepatutnya, atau kegagalan membuat bayaran, atau kelambatan dalam membuat bayaran, maka Lembaga boleh mensurcaikan sejumlah wang

terhadap orang tersebut yang tidak melebihi amaun apa-apa amaun sedemikian yang tidak dikutip, apa-apa bayaran, kekurangan, atau kerugian atau nilai harta yang musnah, mengikut mana yang berkenaan; dan berkenaan dengan kegagalan menyimpan, membuat akaun atau rekod yang sepatutnya, atau kegagalan membuat bayaran, atau kelambatan dalam membuat bayaran Lembaga boleh mensurcaikan apa-apa jumlah wang terhadap orang tersebut sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga itu.

(2) Pengerusi hendaklah menyebabkan Ketua Pengarah diberitahu tentang apa-apa surcaj yang dibuat di bawah subseksyen (1) dan Ketua Pengarah hendaklah sesudah itu memberitahu orang yang disurcaikan itu secara bertulis.

(3) Lembaga boleh pada bila-bila masa menarik balik apa-apa surcaj yang berkenaan dengannya penjelasan yang memuaskan hati telah diterima atau jika ternyata selainnya bahawa tiada surcaj sepatutnya dibuat, dan Pengerusi hendaklah dengan segera menyebabkan Ketua Pengarah diberitahu tentang penarikan balik itu.

(4) Amaun apa-apa surcaj yang dibuat di bawah subseksyen (1) dan tidak ditarik balik di bawah subseksyen (3) hendaklah menjadi hutang yang kena dibayar kepada Lembaga daripada orang yang terhadapnya surcaj itu dibuat dan boleh didakwa dan didapatkan kembali dalam mana-mana mahkamah dan boleh juga didapatkan melalui potongan—

- (a) daripada gaji orang yang disurcaikan jika Lembaga mengarahkan sedemikian; atau
- (b) daripada pencen orang yang disurcaikan jika Lembaga mengarahkan sedemikian,

dengan ansuran bulanan yang sama banyak tidak melebihi satu perempat daripada jumlah gaji atau pencen bulanan, mengikut mana yang berkenaan, orang itu.

Kuasa
membuat
peraturan-
peraturan
tatatertib

34c. (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat apa-apa peraturan-peraturan tatatertib sebagaimana yang difikirkannya perlu atau suaimanfaat untuk memperuntukkan mengenai tatatertib pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat Lembaga.

(2) Peraturan-peraturan tatatertib yang dibuat oleh Lembaga di bawah seksyen ini boleh mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai tahanan kerja dengan pengurangan gaji atau saraan lain, atau peruntukan-peruntukan mengenai penggantungan kerja tanpa gaji atau saraan lain, seseorang pegawai atau pengkhidmat Lembaga sementara menanti presiding tatatertib selesai.

(3) Peraturan-peraturan tatatertib yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah mewujudkan apa-apa kesalahan tatatertib dan mengadakan peruntukan mengenai apa-apa hukuman tatatertib sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Lembaga, dan hukuman-hukuman yang diperuntukkan sedemikian boleh meliputi pembuangan kerja atau penurunan pangkat.

(4) Peraturan-peraturan tatatertib yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah, dalam menetapkan prosedur bagi prosiding tatatertib, memberi peluang kepada orang yang terhadapnya prosiding tatatertib diambil untuk membuat representasi sebelum keputusan dicapai oleh pihak berkuasa tatatertib atas pertuduhan tatatertib yang dibuat terhadap orang itu."

Pindaan
Jadual
Pertama.

34. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan Jadual Pertama dengan yang berikut:

"JADUAL PERTAMA

(Seksyen 2)

TAKRIF KAYU

<i>Keluaran Kayu</i>	<i>Komoditi Berharmoni Deskripsi dan Kod Tariff</i>
Sisa-sisa kayu, termasuk habuk gergaji	44.01
Kayu api	44.01
Kayu arang	44.02
Balak bulat (termasuk kayu bulat dan kayu jaras)	44.03
Balak empat segi sama/separah segi empat sama kasar	44.03
Kayu gergaji kasar	44.06/44.07
Serpai kayu	44.01
Papangantian	44.11
Kayu kisar	44.05
Kayu berketam	44.09
Kayu kumai termasuk headings	44.09
Venir	44.08
Papan lapis	44.12
Papan bungkah/papan lamin papan baten	44.12
Barangan kayu diproses semula (contoh: papan serpai, kayu tatal, papan semen, papan wafer, papan flake)	44.10
Kayu bingkai gambar	44.14
Kotak kayu lengkap/kotak/kret (dipasang)	44.15
Kayu alat angkut (dipasang)	44.15
Kayu tanggam	44.18
Bangunan pasangsiap termasuk rumah	94.06
Panel lantai pakir (dipasang)	44.18
Pintu kayu (tidak dipasang/dipasang)	44.18
Barang perabot daripada kayu, rotan dan buluh	44.20
Rotan dan buluh	14.01

Lain-lain barangan kayu	44.21
Kerusi dan jenis-jenis tempat duduk lain (daripada kayu, rotan dan buluh)	94.01
Perabot-perabot lain dan komponen perabot (dari kayu, rotan dan buluh)	94.03 (sub-code 30/40/50/60/80)."

35. Perenggan 1 Jadual Kedua Akta ibu adalah dipinda— Pindaan
Jadual
Kedua.
- (a) dengan memotong, perkataan-perkataan "selain daripada seorang ahli yang dinyatakan dalam perenggan (b), (c) atau (d) dalam subseksyen (1) seksyen 4," dalam subperenggan (1); dan
- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan "seseorang ahli silih ganti yang sepatutnya" dengan perkataan-perkataan "seorang ahli giliran, jika ada" dalam subperenggan (1) (a).
36. Jadual Ketiga Akta ibu adalah dipinda— Pindaan
Jadual
Ketiga.
- (a) dengan menggantikan perkataan-perkataan "Persatuan Pengekspot Kayu Persekutuan Tanah Melayu" dengan perkataan-perkataan "Persatuan Pengeksport Kayu, Malaysia";
- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan "Persatuan Perindustrian Kayu Melayu" dengan perkataan-perkataan "Persatuan Pedagang Kayu Bumiputra, Malaysia"; dan
- (c) dengan memasukkan, di bawah perkataan-perkataan "Persatuan Pengilang Papanlapis Malaysia", dengan yang berikut:
- | | |
|---------------------------------------|-----|
| "Majlis Kayu Molding Malaysia | 1 |
| Majlis Perindustrian Perabut Malaysia | 1 " |

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda peruntukan-peruntukan tertentu Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Perbadanan), 1973 (dalam huraian ini di sebut "Akta").

2. *Fasal 2* bertujuan meminda seksyen 2 Akta dengan mentafsirkan ungkapan-ungkapan tertentu yang digunakan dalam Akta dan

mentafsirkan ungkapan-ungkapan baru yang tertentu yang akan digunakan dalam Akta. Di antara ungkapan-ungkapan baru yang ditakrifkan ialah "Pengerusi" yang ditakrifkan sebagai pengerusi yang dilantik di bawah seksyen 4 Akta; "Ketua Pengarah" yang ditakrifkan sebagai Ketua Pengarah yang dilantik di bawah seksyen 9 Akta dan hendaklah termasuk Timbalan Ketua Pengarah dan ungkapan "tempat pendaratan yang sah" yang ditakrifkan mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Kastam 1967.

3. *Fasal 3, 4, dan 6* bertujuan meminda seksyen 4, 5 dan 7 Akta masing-masing berhubungan dengan keanggotaan Lembaga dan perlantikan ahli giliran Lembaga.

4. *Fasal 5* bertujuan memasukkan seksyen baru 5A ke dalam Akta. Peruntukan baru ini menyatakan tempoh seorang ahli Lembaga yang dilantik di bawah seksyen 4 Akta selama 2 tahun tetapi adalah layak bagi perlantikan semula.

5. *Fasal 7* Rang Undang-Undang bertujuan meminda seksyen 8 Akta untuk memudahkan lembaga menjalankan fungsinya dengan melantik orang yang boleh mempengerusikan mesyuarat lembaga dalam keadaan-keadaan yang dinyatakan dalam seksyen itu.

6. *Fasal 8 dan 9* bertujuan meminda seksyen 9 akta dan memasukkan seksyen baru 9A dan 9B masing-masing. Seksyen-seksyen ini adalah berkenaan dengan perlantikannya Ketua Pengarah, terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan bagi pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat lembaga dan fungsi-fungsi dan tanggungjawab-tanggungjawab Ketua Pengarah.

7. *Fasal 10* bertujuan meminda seksyen 12 Akta. *Fasal 10 (a)* memasukkan tiga perenggan baru kepada subseksyen (1) seksyen 12 Akta, meluaskan fungsi-fungsi lembaga. *Fasal 10 (b)* menambahkan perkataan-perkataan "perjanjian-perjanjian dan perkiraan-perkiraan" untuk membolehkan lembaga menjadi lebih efektif dalam melaksanakan fungsi-fungsinya.

8. *Fasal 11,13,15,16 dan 17* bertujuan meminda seksyen 13,14,15, 17 dan 18 Akta masing-masing. Seksyen-seksyen ini adalah berkenaan dengan pendaftaran orang-orang di bawah Akta yang menjalankan aktiviti sebagai pengeksport kayu, pemeringkat, pengendali jeti, pemeroses kayu dan lain-lain. Subseksyen (3) seksyen 14 memperuntukkan bahawa suatu pendaftaran di bawah Akta ini hendaklah sah bagi satu tahun atau bagi tempoh lebih lama tetapi tidak melebihi lima tahun. Budi bicara adalah terletak kepada lembaga. Seksyen 16 Akta sebaliknya memberi kuasa kepada lembaga untuk menolak atau menggantung pendaftaran. Tetapi subseksyen baru 5A seksyen 16 (*Fasal 16 (e)*) dan seksyen 18 membenarkan rayuan dibuat kepada Menteri sekiranya pendaftaran ditolak.

9. *Fasal 12* memperkenalkan seksyen baru 13A ke dalam Akta. Seksyen ini memberi kuasa kepada Menteri untuk mengecualikan mana-mana orang daripada pendaftaran di bawah Akta.

10. *Fasal 18* dan *19* bertujuan meminda seksyen 19 Akta dan memasukkan seksyen baru 20A masing-masing. Seksyen 19 adalah dipinda untuk menyatakan dengan jelas sumber-sumber Wang yang boleh diperolehi oleh Lembaga. Seksyen 20A memberikuasa kepada Lembaga untuk melevikan fee dan caj-caj bagi perkhidmatan-perkhidmatan nasihat teknikal yang diberikan kepada industri.

11. *Fasal 20, 21* dan *22* bertujuan meminda seksyen 22, 23 dan 24 masing-masing untuk menjelaskan selanjutnya peruntukan-peruntukan yang ada.

12. *Fasal 23* bertujuan meminda seksyen 25 supaya Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 boleh dipakai oleh Lembaga. *Fasal 24* adalah pindaan berbangkit.

13. *Fasal 25* bertujuan meminda seksyen 27 untuk memberi kuasa kepada Ketua Pengarah dengan keizinan Pengerusi Lembaga untuk melakukan pemeriksaan di mana-mana premis, kilang atau yad pengeksporth kayu dan untuk diserahkan ke dalam penjagaan apa-apa kayu yang didapati dalam menjalankan penyiasatan berkaitan dengan perlakuan apa-apa kesalahan di bawah Akta.

14. *Fasal 26* bertujuan memasukkan beberapa peruntukan baru iaitu seksyen 27A, 27B, 27C 27D, 27E, 27F, 27G, 27H, 27I, 27J dan 27K. Peruntukan-peruntukan ini adalah berkenaan dengan kuasa Ketua Pengarah atau mana-mana tempat pegawai lembaga yang diberi kuasa olehnya untuk memeriksa dan meneliti mana-mana tempat pendaratan yang sah dan untuk menahan atau merampas apa-apa dokumen atau kayu yang didapati dalam menjalankan pemeriksaan dan penelitian itu yang berkaitan dengan perlakuan suatu kesalahan di bawah Akta ini. Peruntukan-peruntukan juga dibuat untuk membolehkan Ketua Pengarah menguruskan kayu yang dirampas sebagaimana yang difikirkannya sesuai dan patut dan memberi kuasa untuk memeriksa saksi-saksi dan untuk menrekodkan pernyataan-pernyataan.

15. *Fasal 27,28* dan *32* bertujuan meminda seksyen 28,29,30,33 dan 34 Akta supaya ianya selaras dengan peruntukan-peruntukan lain Akta.

16. *Fasal 29* dan *30* memasukkan peruntukan-peruntukan baru iaitu seksyen 29A, 30A dan 30e masing-masing. Peruntukan-peruntukan baru ini adalah berkenaan dengan perlindungan yang diberi kepada lembaga, ahli-ahlinya, pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat terhadap apa-apa tindakan undang-undang yang berbangkit daripada apa-apa perbuatan yang dilakukan dalam menjalankan tugas-tugasnya atau tugas-tugas mereka, kecuali dalam hal yang melibatkan kecuaihan

dan *mala fide*. Seksyen-seksyen 30A dan 30B adalah berhubungan dengan kuasa untuk menjalankan pendakwaan dan mengkompaunkan kesalahan-kesalahan.

17. *Fasal 31* memasukkan seksyen baru 33A dan 33B yang berhubungan dengan kesalahan-kesalahan oleh suatu kumpulan orang yang diperbadankan atau sebaliknya, begitu juga dengan Liabiliti prinsipal-prinsipal bagi perbuatan agen-agen mereka.

18. *Fasal 33* bertujuan memasukkan peruntukan-peruntukan berhubungan dengan penubuhan pihakberkuasa disiplin dan kuasa untuk membuat peraturan-peraturan mengenai disiplin dan kuasa untuk mengenakan surcaj. Peruntukan-peruntukan ini adalah seksyen-seksyen baru 34A, 3B dan 34c.

19. *Fasal 34, 35 dan 36* bertujuan meminda Jadual Pertama, Kedua dan Ketiga masing-masing.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1597.]